

SULIT ANGKA GILIRAN: _____



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JTW224 – Pengenalan Kepada Psikologi Pengurusan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA PULUH (20)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan di atas borang OMR.

Pastikan borang OMR diisi dengan lengkap [nombor angka giliran, kursus, jawapan dll]. Gunakan hanya pensel 2B bagi borang OMR anda.

Anda tidak dibenarkan membawa keluar kertas soalan peperiksaan dari dewan peperiksaan.

Keseluruhan soalan diperuntukkan 100 markah.

...2/-

SULIT

1. Psikologi sosial adalah kajian _____.
 - A. prinsip dan konsep yang mengawal cara kita belajar dari alam sekitar
 - B. ciri-ciri individu dan cara mereka meramalkan tindak balas terhadap alam sekitar
 - C. cara kita berfikir dan berkelakuan dalam situasi sosial
 - D. cara kita berfikir dan selesaikan masalah

2. Antara berikut adalah kepentingan khusus seorang ahli psikologi sosial **KECUALI** _____.
 - A. persepsi yang dibuat terhadap orang lain dan faktor yang mempengaruhi persepsi itu
 - B. faktor yang mempengaruhi sikap individu sama ada untuk membantu/tidak membantu orang lain
 - C. tahap perkembangan yang dialami seseorang sejak dia lahir hingga dewasa
 - D. sikap dan cara individu itu dipengaruhi oleh tingkah laku

3. *Classical conditioning* selalu dikaitkan dengan _____.
 - A. kognitif
 - B. maklumat
 - C. sikap
 - D. alam sekitar

4. *Operant conditioning* mempengaruhi pembentukan sikap melalui _____.
 - A. gabungan dua rangsangan yang membawa kepada tindak balas emosi
 - B. pembentukan skim kognitif
 - C. pemerhatian tingkah laku orang lain dan peristiwa yang mereka lalui
 - D. peristiwa yang terjadi akibat dari tingkah laku kita

5. *Operant conditioning* dapat mempengaruhi sikap melalui _____, manakala *classical conditioning* dapat mempengaruhi sikap melalui _____.
- A. persekitaran; pujukan
 - B. akibat; pengaruh
 - C. perasaan; berfikir
 - D. kognisi; tingkah laku
6. Sikap yang dipelajari melalui pengalaman semulajadi dijangka akan _____.
- A. hilang dengan cepat
 - B. bertahan buat sementara waktu sahaja
 - C. menjadi tingkah laku masa depan
 - D. mempunyai asas emosi yang lebih bermakna
7. Teori Kognitif Konsisten merujuk kepada _____.
- A. hubungan antara pemikiran dan perasaan
 - B. tahap kesamaan antara sikap dan tingkah laku
 - C. cara kita berfikir berkenaan diri sendiri
 - D. kesamaan sikap dan alam sekitar
8. Teori Kognitif Konsisten digunakan secara khusus untuk menerangkan _____.
- A. bagaimana kita mengenali diri kita sendiri
 - B. cara kita menyelesaikan konflik antara diri sendiri dan orang lain
 - C. kenapa dan bila kita mengubah sikap
 - D. langkah yang diambil untuk mengembangkan kemahiran berfikir secara logik
9. Kognitif disonans dikaitkan dengan _____.
- A. kognitif yang tidak konsisten
 - B. sikap yang tidak berubah
 - C. kesilapan atribusi asas
 - D. kecenderungan diri sendiri

10. Teori Kognitif Percanggahan menerangkan _____.
- A. sikap yang tidak konsisten
 - B. tingkah laku yang tidak konsisten
 - C. tingkah laku yang sama
 - D. perubahan sikap
11. Apabila seseorang berhadapan dengan keadaan kognitif disonans, apakah yang akan terjadi?
- A. Perubahan sikap
 - B. Perubahan dalam tingkah laku
 - C. Perubahan dalam kepercayaan yang berkaitan dengan sikap
 - D. Semua di atas.
12. Perubahan sikap yang berlaku akibat dari pujukan _____.
- A. disebabkan oleh faktor dalaman
 - B. disebabkan faktor luaran
 - C. dapat bertahan lama
 - D. tidak akan kekal
13. Seorang ahli psikologi yang mengkaji pembentukan tanggapan (*impression formation*) berminat dengan _____.
- A. ciri orang yang mempunyai tahap karisma yang tinggi
 - B. kesan pengaruh kita terhadap orang lain
 - C. cara kita memahami dan membuat pertimbangan terhadap orang lain
 - D. hujah yang bernas atau tidak boleh diterima
14. Kajian atribusi adalah berkaitan dengan _____.
- A. proses penyebab kepada tingkah laku
 - B. hubungan antara sikap dan tingkah laku
 - C. komponen mesej persuasif
 - D. perkembangan stereotaip dan prasangka

15. Kajian atribusi adalah paling berkaitan dengan _____.
- A. pengaruh sosial
 - B. pujukan
 - C. keakuran
 - D. pembentukan tanggapan (*impression formation*)
16. Kesilapan atribusi asas (*fundamental attribution error*) lebih cenderung untuk dilakukan oleh _____.
- A. lelaki daripada wanita
 - B. wanita daripada lelaki
 - C. budaya kolektif daripada budaya individu
 - D. budaya individu daripada budaya kolektif
17. Dalam proses attribusi, tumpuan pelaku adalah _____.
- A. pelaku itu sendiri
 - B. pemerhati
 - C. alam sekitar
 - D. pemerhati dan alam sekitar
18. Dalam proses attribusi, tumpuan pemerhati adalah _____.
- A. pelaku
 - B. pemerhati itu sendiri
 - C. alam sekitar
 - D. pemerhati dan alam sekitar
19. Motif paling biasa terjadinya jenayah kebencian (*hate crimes*) di U.S. adalah disebabkan prejudis _____.
- A. perkauman
 - B. agama
 - C. jantina
 - D. orientasi seksual

20. Stereotaip adalah _____.
- A. reaksi negatif terhadap sesuatu kumpulan
 - B. kepercayaan dan maklumat yang tidak baik mengenai kumpulan itu
 - C. kepercayaan bahawa sesuatu kumpulan itu tidak baik dalam beberapa situasi
 - D. kepercayaan bahawa orang itu tidak baik dalam beberapa situasi
21. Ancaman stereotaip boleh membawa kepada _____.
- A. kebimbangan
 - B. pengasingan
 - C. ketakutan
 - D. Semua di atas.
22. _____ adalah cara kita menilai dan membuat pertimbangan berdasarkan pengetahuan dan perasaan kita terhadap orang, tempat atau benda.
- A. Insentif
 - B. Naluri
 - C. Sikap
 - D. Tindak balas
23. Hukuman (*punishment*) adalah keadaan di mana anda mendapat hukuman kerana mempunyai sikap tertentu, maka sikap itu akan _____.
- A. hilang
 - B. kekal
 - C. menjadi lemah
 - D. berubah
24. Pembelajaran melalui pemerhatian adalah merujuk kepada _____.
- A. melihat dan meniru tingkah laku orang lain
 - B. cara untuk mempengaruhi cara sikap itu berkembang
 - C. cara kita menilai dan membuat pertimbangan berdasarkan pengetahuan dan perasaan
 - D. penilaian terhadap orang, isu, objek atau peristiwa

25. Kita dapati sikap kita _____ dengan ibu bapa atau orang yang rapat dengan kita.
- A. agak sama
 - B. sangat berbeza
 - C. ganjil
 - D. Tiada jawapan.
26. *Cognitive consistency* bermaksud kita _____.
- A. merasa tidak selesa apabila terdapat ketidakselarasan antara sikap
 - B. keinginan untuk mengelakkan seseorang kerana sikapnya
 - C. keinginan untuk mempunyai sikap dan tingkah laku yang berbeza
 - D. Semua di atas.
27. Perbezaan antara sikap adalah merujuk kepada _____, manakala tingkah laku adalah merujuk kepada _____.
- A. apa yang anda rasa; tindakan anda
 - B. tindakan anda; apa yang anda rasa
 - C. apa yang anda rasa; pendapat anda
 - D. tindak balas yang berlaku; bersama tindakan susulan
28. Teori Percanggahan Kognitif meramalkan bahawa kita akan mempunyai motivasi untuk _____.
- A. mengekalkan sikap kita kerana kita rasa sangat selesa
 - B. belajar dengan menonton bagaimana orang lain melakukannya
 - C. menukar sikap kita kerana kita rasa tidak selesa dengan keadaan itu
 - D. bertukar emosi mengikut keadaan
29. Pembentukan Tanggapan (*Impression Formation*) adalah merujuk kepada _____.
- A. cara kita memahami dan membuat pertimbangan mengenai orang lain
 - B. cara kita boleh meramalkan mereka bertindak balas
 - C. mempunyai kefahaman yang baik tentang ciri-ciri dan kebolehan orang lain
 - D. Semua di atas.

30. _____ adalah berdasarkan bangsa, jantina, orientasi seksual, umur, agama, negara asal dan perbezaan lain yang membuatkan orang tertentu tidak suka antara satu sama lain.
- A. Prejudis
 - B. *Bias*
 - C. Stereotaip
 - D. Anti sosial
31. _____ adalah keadaan apabila seseorang itu bimbang orang lain akan menilai dirinya bukan berdasarkan kelayakan/kebolehannya tetapi berdasarkan latar belakangnya.
- A. *Type A*
 - B. Ancaman stereotaip
 - C. Prejudis
 - D. *Extrovert*
32. Prejudis boleh berkembang melalui proses _____.
- A. *classical conditioning*
 - B. *operant conditioning*
 - C. *observational learning*
 - D. Semua di atas.
33. Kita cenderung untuk bergaul dengan orang yang _____.
- A. serupa dengan kita
 - B. berbeza tetapi tidak bertentangan dengan kita
 - C. bertentangan dengan kita
 - D. sama atau berbeza, asal tidak bertentangan dengan kita
34. Norma adalah tingkah laku yang _____.
- A. tidak tertulis yang menjadi kebiasaan semua
 - B. sama
 - C. sentiasa tidak bertulis dan biasanya tidak diucapkan
 - D. diikuti kerana agama

35. *Hostile aggression* adalah bertujuan untuk _____.
- A. menyakiti mangsa
 - B. merampas sesuatu yang dimiliki orang lain
 - C. menunjukkan dominasi ke atas orang yang lain
 - D. mendapatkan kembali harga diri seseorang
36. Tekanan melibatkan _____.
- A. reaksi pada tubuh
 - B. cabaran yang dihadapi
 - C. mekanisme yang perlu diatasi
 - D. Semua di atas.
37. Antara berikut manakah yang selalu dikaitkan dengan gangguan tekanan posttraumatik (*post traumatic stress disorder*)?
- A. Rutin utama kehidupan
 - B. Pelbagai bencana
 - C. Gangguan harian
 - D. Konflik
38. Jika anda telah menjadi seorang askar yang mengalami banyak trauma, kemungkinan anda _____.
- A. mempunyai ingatan yang jelas tentang pengalaman anda
 - B. mudah rasa terkejut dengan bunyi yang kuat
 - C. mempunyai kesukaran menumpukan perhatian
 - D. Semua di atas.
39. Freud menekankan bahawa manusia adalah _____.
- A. sama dengan haiwan
 - B. sama seperti mesin
 - C. berbeza daripada haiwan kerana kemampuan kita untuk berfikir secara rasional
 - D. berbeza dari mesin kerana keupayaan manusia berdepan dengan emosi

40. Superego adalah _____.
- A. diri anda yang rasional, logik
 - B. moral anda
 - C. motivasi untuk mencari kesenangan
 - D. dikawal oleh naluri
41. Dua jenis terapi yang selalu digunakan adalah _____.
- A. psikoterapi dan psikiatri
 - B. humanistik dan psikoanalisis
 - C. bioperubatan dan psikoterapi
 - D. penerangan dan tingkah laku
42. Seorang psikoanalisis _____.
- A. dilatih dalam kaedah rawatan Freud
 - B. hanya perlu mempunyai ijazah sarjana muda
 - C. adalah sesiapa yang memberikan terapi psikologi
 - D. buat rawatan terapi biologi
43. Manakah antara berikut, faktor personaliti yang berkait rapat dengan masalah kemurungan dan stres?
- A. *Type A*
 - B. *Type B*
 - C. Tabah
 - D. Tidak berdaya
44. Menurut "*Biological Theories of Aggression*", kaum lelaki dikatakan lebih agresif daripada kaum wanita kerana _____.
- A. galakan kawan-kawan
 - B. mereka dipercayai mempunyai tahap *testosterone* yang lebih tinggi
 - C. tahap *serotonin* yang lebih tinggi
 - D. mereka dilahirkan begitu

45. Kelakuan *altruism* bermaksud _____.
- A. berfikir samada hendak menolong atau tidak
 - B. membantu orang lain tanpa didorong oleh kepentingan diri sendiri
 - C. lebih suka memantau dari jauh
 - D. menjadi saksi ketika darurat
46. Stres merujuk kepada _____ .
- A. peristiwa dimana kita bertindak balas kerana ia adalah mencabar
 - B. perubahan dalam kehidupan seseorang yang memerlukan pelarasan semula
 - C. keadaan yang dimana kita tiada masa untuk berehat
 - D. gangguan dan kekecewaan yang berlaku setiap hari
47. Manakah antara berikut **BUKAN** jenis tekanan?
- A. Peristiwa hidup utama (*major life events*)
 - B. Malapetaka
 - C. Meliru
 - D. Konflik
48. Kajian menunjukkan bahawa rutin harian yang mencabar _____.
- A. tidak mencetuskan tekanan yang besar
 - B. boleh mencetuskan tekanan yang ketara
 - C. mewujudkan tekanan melebihi daripada konflik
 - D. mewujudkan lebih banyak tekanan berbanding peristiwa kehidupan utama (*major life events*)
49. Reaksi penggera bertindak balas serta-merta apabila berlaku tekanan dan mengaktifkan _____ dan sistem endokrin.
- A. sistem saraf
 - B. sistem imun
 - C. otak
 - D. emosi

50. Tujuan fasa tindak balas penggera (*alarm reaction*) adalah untuk _____.
- A. penyediaan biologi
 - B. penanguhan jangka panjang
 - C. penilaian kognitif
 - D. penyatuan ingatan
51. Manakah antara berikut **BUKAN** salah satu cara pengurusan tekanan?
- A. Fizikal
 - B. Emosi
 - C. Tingkah laku
 - D. Melawan rintangan
52. Reaksi pertahanan badan terhadap stres adalah _____.
- A. melemahkan keupayaan jangka panjang untuk terus hidup
 - B. melemahkan keupayaan jangka pendek untuk menyesuaikan diri
 - C. menguatkan sistem imun badan
 - D. tiada kesan jangka panjang pada kesihatan
53. Apabila seseorang melihat terdapat ancaman berdekatannya, _____ diaktifkan serta-merta.
- A. sistem saraf somatik
 - B. sistem saraf simpatik
 - C. sistem limbik
 - D. sistem saraf parasympatetik
54. Manakah antara berikut **BUKAN** cara betul menghadapi stres?
- A. Menukar situasi kepada yang lebih baik.
 - B. Tumpukan pada masalah yang berlaku.
 - C. Tumpukan kepada emosi dalam menghadapi stres.
 - D. Cuba melawan stres dengan mengabaikannya.

55. _____ adalah suatu keadaan di mana dalam pengaruh sosial, seseorang cuba untuk menukar sikap kita.
- A. Percanggahan
 - B. Pujukan
 - C. Sikap
 - D. Kelakuan
56. _____ merupakan karakter, watak dan penampilan yang kita tunjukkan pada orang.
- A. *Anima*
 - B. *Animus*
 - C. Persona
 - D. *Shadow*
57. Personaliti adalah _____ dan tingkah laku yang menentukan cara seseorang biasanya bertindak dalam sesuatu situasi.
- A. sikap
 - B. emosi
 - C. kemahiran
 - D. corak kelakuan
58. Menurut Freud, ego kanak-kanak mula berkembang _____.
- A. ketika lahir
 - B. sebagai tindak balas terhadap kesedaran tentang betul dan salah sesuatu perkara
 - C. pada masa yang sama dengan superego
 - D. apabila ia perlu untuk menangani realiti
59. Freud memberi tumpuan kepada matlamat saintifik _____.
- A. ramalan
 - B. penjelasan
 - C. kawalan
 - D. pemerhatian

60. Bagi Carl Jung, persona dan *shadow* adalah _____.
- A. *archetypes*
 - B. unsur diri kita yang disembunyikan atau ditunjukkan kepada orang lain
 - C. sebahagian kolektif di bawah sedar
 - D. Semua di atas.
61. Teori Carl Jung adalah berkenaan _____, manakala Teori Karen Horney adalah berkenaan _____.
- A. rendah diri; *shadow*
 - B. psikologi id; konflik Oedipal
 - C. *animus*; ego psikologi
 - D. *archetypes*; asas kebimbangan
62. Dalam kajiannya, Hans Eysenck mengembangkan dimensi ketiga personaliti yang dinamakan sebagai _____.
- A. *neuroticism*
 - B. *introversion*
 - C. *psychoticism*
 - D. kestabilan emosi
63. _____ memainkan peranan penting dalam perkembangan personaliti manusia.
- A. Asuhan
 - B. Alam sekitar
 - C. Kawan
 - D. Genetik
64. Teori Carl Roger menyatakan _____ seseorang bergantung di atas kebolehan dan keunikan seseorang.
- A. persepsi
 - B. tingkah laku
 - C. kawan
 - D. penilaian

65. Budaya memainkan peranan yang lebih besar dalam perkembangan _____ berbanding biologi dan naluri.
- A. persepsi
 - B. tingkah laku
 - C. prejudis
 - D. personaliti
66. _____ adalah proses yang digunakan untuk melindungi ego dengan mengurangkan rasa bimbang apabila berhadapan dengan antara tuntutan id dan superego.
- A. Model personaliti
 - B. Pendekatan kognitif sosial
 - C. Mekanisme pertahanan diri (*Defense mechanisms*)
 - D. Pendekatan sifat
67. _____ adalah kecenderungan untuk kita berkelakuan dengan cara yang sama dalam pelbagai situasi.
- A. *Central traits*
 - B. *Secondary traits*
 - C. *Cardinal traits*
 - D. *Hans traits*
68. _____ adalah sikap yang tidak konsisten dan menggambarkan sikap manusia dalam keadaan tertentu.
- A. *Central traits*
 - B. *Secondary traits*
 - C. *Cardinal traits*
 - D. *Hans traits*
69. _____ adalah unsur dominan personaliti yang mendorong tingkah laku kita.
- A. *Central traits*
 - B. *Secondary traits*
 - C. *Cardinal traits*
 - D. *Hans traits*

70. *Neuroticism* merujuk kepada sikap yang _____.
- A. mempunyai kawalan emosi yang baik
 - B. emosi tak tentu, berangin, sensitif
 - C. perbuatan melulu, tidak menghormati orang lain
 - D. kurang bercampur dengan orang
71. Kestabilan emosi merujuk kepada sikap yang _____.
- A. mempunyai kawalan emosi yang baik
 - B. emosi tak tentu, berangin, sensitif
 - C. perbuatan melulu, tidak menghormati orang lain
 - D. kurang bercampur dengan orang
72. *Psychoticism* merujuk kepada sikap yang _____.
- A. mempunyai kawalan emosi yang baik
 - B. emosi tak tentu, berangin, sensitif
 - C. perbuatan melulu, tidak menghormati orang lain
 - D. kurang bercampur dengan orang
73. Pendekatan _____ menekankan konsep pilihan peribadi dan kebebasan dalam membentuk personaliti seseorang.
- A. sifat
 - B. kognitif
 - C. kemanusiaan
 - D. Rogers
74. _____ meningkatkan kesejahteraan diri (penyembuhan).
- A. Terapi Biomedical
 - B. Terapi urut
 - C. Psikoterapi
 - D. *Electroconvulsive*

75. _____ memberi tumpuan kepada pengurangan gejala yang berkaitan dengan gangguan psikologi.
- A. Terapi Biomedical
 - B. Terapi urut
 - C. Psikoterapi
 - D. *Electroconvulsive*
76. Peristiwa traumatik yang tidak dijangka boleh memberi kesan kepada kesihatan fizikal dan psikologi seseorang.
- A. Betul
 - B. Salah
77. Stereotaip adalah skema untuk kumpulan tertentu.
- A. Betul
 - B. Salah
78. *Bystander effect* menyatakan bahawa semakin ramai saksi ketika darurat, semakin kurang kemungkinan salah seorang daripada mereka akan menawarkan bantuan.
- A. Betul
 - B. Salah
79. Takut, rasa tidak selamat dan rasa tidak dihargai adalah antara emosi negatif yang memberi kesan kepada tekanan.
- A. Betul
 - B. Salah
80. *Exhaustion stage* adalah peringkat kedua yang membuatkan badan lebih terdedah kepada lebih daripada satu penyakit.
- A. Betul
 - B. Salah

81. Bagi individu yang menghadapi stres, *biofeedback* dapat membantu individu dengan memantau dan mengawal perubahan dengan cara yang berkesan.
- A. Betul
B. Salah
82. Makan dengan diet yang betul dan rehat yang cukup bukanlah cara untuk mengurangkan stres atau pemulihan tingkah laku.
- A. Betul
B. Salah
83. *Aversive racism* adalah apabila seorang dari sesuatu bangsa lain merasa seronok bila berada berdekatan dengan seseorang dari bangsa yang berbeza.
- A. Betul
B. Salah
84. Pengalaman yang kita lalui dengan kumpulan yang tertentu, pendedahan terhadap model yang ada, ganjaran dan hukuman yang kita terima dalam kehidupan dapat membentuk stereotaip dan sikap prejudis seseorang.
- A. Betul
B. Salah
85. *Hostile aggression* adalah bertujuan untuk menakutkan orang lain.
- A. Betul
B. Salah
86. Bayi rabun jauh ketika dilahirkan.
- A. Betul
B. Salah
87. Schema baharu boleh dikembangkan dalam proses penyesuaian (*accommodation*).
- A. Betul
B. Salah

88. Prejudis adalah kecenderungan untuk belajar menilai sesuatu perkara dengan cara yang tertentu.
- A. Betul
 - B. Salah
89. *Altruism* adalah sikap untuk membantu orang lain tanpa didorong oleh kepentingan diri sendiri.
- A. Betul
 - B. Salah
90. Pendekatan sifat memberi tumpuan kepada aspek dalaman personaliti.
- A. Betul
 - B. Salah
91. Diskriminasi sebahagian besar stereotaip negatif yang tidak adil digunakan untuk semua ahli kumpulan tersebut tanpa mengira ciri-ciri individu berkenaan.
- A. Betul
 - B. Salah
92. Sikap menyebabkan setiap orang unik.
- A. Betul
 - B. Salah
93. Personaliti dipengaruhi oleh banyak faktor.
- A. Betul
 - B. Salah
94. Model personaliti dikenali sebagai model PEN (*Psychoticism, Extraversion, Neuroticism*).
- A. Betul
 - B. Salah

95. Personaliti menekankan bahawa manusia perlu mempunyai dorongan dalaman untuk mencapai potensi sepenuhnya dalam kehidupan.
- A. Betul
B. Salah
96. Pendekatan sifat (*trait approach*) memberi tumpuan kepada aspek dalaman personaliti.
- A. Betul
B. Salah
97. Sigmund Freud lebih mempengaruhi pemikiran abad ke-20 berbanding ahli psikologi yang lain.
- A. Betul
B. Salah
98. Carl Rogers adalah ahli teori kognitif sosial.
- A. Betul
B. Salah
99. MMPI-2 adalah salah satu ujian personaliti.
- A. Betul
B. Salah
100. Fokus utama Teori Sifat (*Trait Theorists*) adalah untuk menggambarkan personaliti individu.
- A. Betul
B. Salah